

PEMUPUKAN AKHLAK MUSLIM MENURUT PANDANGAN IBNU MISKAWAYH.

oleh

Siti Norlina Muhamad
Mohd Nasir bin Ripin
Pusat Pengajian Islam Dan Pembangunan Sosial,
Universiti Teknologi Malaysia,
Skudai, Johor.
Tel: 07-5535070
e-mail:norlina @ utm.my

Mohd Dani Muhamad
Centre For Islamic Thought And Understanding (CITU)
UiTM Shah Alam,
Selangor

ABSTRAK

Pembentukan akhlak masyarakat berasaskan ajaran agama akan menjamin kualiti insan yang lebih beretika dan berakhlak tinggi. Pembentukan akhlak amat penting kerana ia mempunyai kaitan rapat dengan iman. Sungguhpun fitrah semulajadi manusia adalah baik, ada ketikanya manusia mempunyai keinginan yang melencong dari kebaikan. Akhirnya dalam mengejar kemajuan kebendaan, manusia mengorbankan keluhuran akhlak dan rohani. Mereka menganggap hukum, nilai dan norma keagamaan sebagai penghalang kemajuan. Melihat kepada realiti semasa, satu pendekatan yang efektif dan signifikan amat diperlukan. Usaha memupuk akhlak yang baik di tengah budaya materialisme dan hedonisme, bukanlah satu tugas yang mudah. Sikap masyarakat Islam sendiri yang kurang prihatin terhadap nilai-nilai kemanusiaan, persaudaraan, keadilan dan kasih sayang menyebabkan berlaku gejala kelembapan umat dalam menangani masalah sosial. Kertas kerja ini akan membincangkan pendekatan tokoh akhlak Islam terkemuka iaitu Ibnu Miskawayh dalam menghadapi keruntuhan akhlak masyarakat pada zamannya iaitu zaman terputusnya wahyu dan bimbingan terus dari Allah dan Rasul-Nya sebagai panduan masyarakat hari ini.

Pendahuluan

Persoalan mengenai akhlak dan pembentukan peribadi adalah satu tajuk yang ditangani oleh manusia sejak bermula tamadun di kalangan umat manusia. Menurut Ibnu Khaldun (1995), turun naiknya sesebuah negara dan tamadun, banyak bergantung kepada sejauhmana umat itu berpegang kepada nilai-nilai yang tinggi. Pandangan ini disokong oleh seorang penyair Arab bernama Ahmad Shauqi yang berkata:

“ Sesungguhnya sesebuah masyarakat itu akan ada selagi ada akhlaknya. Sekiranya akhlaknya tiada, masyarakat akan lenyap. ”

Kemuliaan sesuatu umat bukan hanya bergantung kepada ilmu yang tinggi tetapi juga kemurnian akhlak yang dimiliki. Manusia tidak akan sempurna tanpa mempunyai nilai akhlak yang tinggi. Untuk menentukan nilai-nilai akhlak yang harus dipunyai oleh seorang muslim, Islam menjadikan Al-Quran dan Hadis sebagai sumber rujukan utama. Melalui petunjuk Al-Quran dan Hadis, Islam memberi panduan yang sempurna kepada manusia untuk memantap dan menyinarakan fitrah semulajadinya, di samping membebaskan dirinya dari bisikan syaitan.

Selain daripada itu, setiap individu juga perlu meneliti perjalanan sejarah umatnya dalam usaha memperbaiki kepincangan yang berlaku dalam masyarakat hari ini. Menelaah sejarah adalah salah satu faktor penting dalam membentuk peribadi seseorang di samping dapat memahami keadaan umat itu sendiri. Seseorang itu tidak akan dapat merasakan keterikatannya dengan umat kecuali setelah dia meneliti sejarah umatnya.

Senario semasa menunjukkan gejala keruntuhan akhlak masyarakat Islam kian meruncing. Ini menampakkan kepincangan sistem sosial yang sedia ada dalam menangani arus peningkatan teknologi masa kini. Realitinya, kemajuan sains dan teknologi tidak mampu mendidik tata susila dan kesopanan masyarakat dalam arus pembangunan yang pesat. Kalau dilihat dari sudut ajaran Islam, pembangunan merupakan satu kegiatan yang berorientasikan nilai dan matlamatnya ialah untuk menyempurnakan kesejahteraan masyarakat dalam semua bidang kehidupan. Dalam Islam adalah jelas iaitu ketika manusia diberi peranan sebagai khalifah Allah S.W.T, pada masa yang sama ia juga adalah hamba Allah yang mesti tunduk kepada hukum Allah.

Dalam konteks ini, Prof. Khurshid Ahmad menegaskan, Islam tidak menghalang manusia mengejar kemajuan, teknologi dan kekuasaan tetapi ia menghalang manusia daripada menjadikan semua ini sebagai matlamat dan tujuan hidup manusia. Kemajuan, teknologi dan kekuasaan hanyalah sebagai alat dalam mencapai matlamat kehidupan manusia. Sekiranya semua ini dilihat sebagai matlamat akhir kehidupan manusia, ia membawa kepada pelbagai penyakit sosial. Dalam konteks ini, untuk membangunkan semula masyarakat Islam perubahan mestilah dilakukan atas dasar tauhid, takwa dan adil. Ringkasnya, saranan beliau untuk merujuk kepada tauhid, takwa dan adil adalah merujuk kepada kemurnian akhlak.

Gejala Sosial Masyarakat Islam Masa Kini

Masyarakat Islam sedang mengalami perubahan sosial yang hebat, hasil dari perubahan persekitaran. Perubahan sosial ini perlu dinilai oleh orang Islam menurut kacamata syariah dengan meletakkan keredhaan Allah sebagai paksinya. Mana-mana perubahan yang bertentangan atau mencabar undang-undang Islam dianggap oleh ahli sosiologi Islam sebagai bertentangan atau memusuhi sifat asasi manusia.

Masyarakat Islam sudah banyak berubah dalam pelbagai aspek seperti sikap, pemikiran, gaya hidup, ekonomi, akhlak, seni dan budaya. Bertitik tolak dari sini, gaya hidup masyarakat lebih terdedah kepada aktiviti sosial sedangkan nilai-nilai murni semakin tertutup. Daripada keluarga besar mengecil menjadi keluarga nuklear, budaya penyayang menjadi lemah setelah melalui proses kehidupan moden dan warga tua yang pada satu ketika dulu menjadi tunjang keluarga dibiarkan bersendirian.

Dalam meneliti keruntuhan akhlak yang berlaku hari ini, dapat diperhatikan bahawa elemen perosak masyarakat adalah satu fenomena yang universal. Kalau berbeza pun hanya dari sudut tahap kemerosotan dan besar atau kecil bilangan individu yang terlibat dalam aktiviti yang merosakkan. Antara beberapa bentuk gejala keruntuhan akhlak yang berlaku masa kini ialah:

i. Jenayah berat

Antara jenayah berat yang sedang hangat diperkatakan sekarang ialah ragut dan rogol bunuh. Kedua-dua jenayah ini sedang berlaku dengan serius dan begitu membimbangkan masyarakat.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Mustafa Abdullah mendedahkan sebanyak 1,144 kes ragut membabitkan kerugian bernilai RM 2.34 juta dicatatkan di sekitar ibu negara khususnya di kawasan tumpuan pelancong dan Segi Tiga Emas dalam tempoh 4 bulan pertama tahun ini. Malah sepanjang tahun lalu, 15,798 kes ragut dicatatkan di seluruh negara manakala dalam tempoh 3 bulan pertama tahun ini pula 3,436 kes dicatatkan. (**Berita Harian, 17 Jun 2004**)

Jenayah ragut telah sampai ke tahap menyebabkan kematian. Pihak berkuasa sedang mengkaji kemungkinan pesalah jenayah ragut boleh dikenakan hukuman yang lebih berat termasuk sebatan seperti kes rompakan. Antara mangsa-mangsa jenayah ragut yang menyebabkan kematian ialah:

- Seorang kerani akhbar Nanyang Siang Pau, Chong fee Cheng, 37 mati selepas koma apabila menjadi mangsa ragut di Taman Molek, Johor Bahru.
- Pelajar perempuan tahun akhir Universiti Putra Malaysia (UPM), Rosyanti Mohamed, 22 meninggal dunia apabila di langgar lori ketika cuba mengejar peragut beg tangannya pada 6 Mac 2004.
- Chin Wai Fun, 38 yang diragut kali ke 4 di Brickfields maut selepas koma lebih 17 jam apabila terhantuk pada benda keras di tepi jalan selepas bergelut dengan seorang penunggang motosikal yang cuba meragut beg tangannya pada 22 Mei 2004. (**Berita Harian 17 Jun 2004**)

Di samping jenayah ragut, jenayah rogol bunuh juga berlaku dengan berleluasa tanpa mengira umur mangsa. Ada di kalangan mangsa baru berusia 6 tahun dan ada juga yang telah menjangkau usia 70an. Ini menunjukkan penjenayah langsung tidak mempunyai perasaan perikemanusiaan dan sanggup melakukan apa sahaja untuk memuaskan nafsu mereka.

ii. Keganasan seksual

Akhbar kerap menyiarkan berita keganasan seksual yang dilakukan terhadap kaum wanita. Kes penganiayaan dan keganasan terhadap wanita berlaku di mana-mana. Antara kes jenayah kekeluargaan yang berlaku ialah penderaan, perceraian, pengabaian nafkah dan sebagainya. Bahkan apa yang lebih menakutkan lagi banyak kes sumbang mahram turut dilaporkan berlaku. Ini berpunca daripada hati manusia yang jauh dari mengingati Allah dan tiada kesedaran dalam memikul amanah. Manusia jenis inilah yang menjadi perosak kepada wanita dan masyarakat seluruhnya.

Permasalahan jenayah seksual dalam keluarga dan masyarakat harus dipandang serius. Catatan perangkaan pembabitkan remaja dalam jenayah seksual dan juga peningkatan bapa serta ahli

keluarga melakukan jenayah seksual menunjukkan betapa longgarnya institusi keluarga masa kini.

iii. Jenayah remaja

Masalah keruntuhan akhlak remaja sering dikaitkan dengan perkembangan perindustrian dan pemodenan. Media massa juga memainkan peranan penting dalam membentuk nilai dan sikap remaja hari ini. Isu-isu mengenai masalah keruntuhan moral remaja menjadi isu hangat dalam masyarakat. Antara kategori keruntuhan akhlak yang berlaku ialah:

- Berdua-duaan di tempat sunyi antara lelaki dan perempuan yang bukan muhrim
- Bersekedudukan
- Menjadi pelacur
- Meminum minuman keras
- Membuang anak yang dilahirkan tanpa nikah
- Menjadi perempuan atau lelaki simpanan
- Menghisap rokok, menggunakan dadah, meragut dan mencuri
- Terlalu bebas bergaul antara lelaki dan perempuan
- Merogol, peras ugut dan membunuh (**Dakwah September 1996**)

Fenomena keruntuhan akhlak yang melanda pelajar di negara ini sudah menjadi satu isu yang sering diperbincangkan dan menjejaskan hasrat kerajaan melahirkan generasi baru yang dedikasi dan berdaya maju. Perangkaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan pada tahun 1994 melaporkan seramai 172,615 pelajar atau hampir 4.1 % daripada 4 juta pelajar terlibat dengan pelbagai kes salah laku serius di luar dan dalam sekolah. Sementara itu laporan jenayah juvana mencatatkan bilangan pelajar terlibat dalam jenayah semakin meningkat dari semasa ke semasa termasuk dalam kes jenayah, kekerasan, rompakan, pecah rumah, curi kenderaan, peras ugut dan rogol.

(**Dakwah September 1996**)

iv. Penderaan kanak-kanak

Akhir-akhir ini semakin banyak perlakuan jahiliah berlaku dalam masyarakat. Kanak-kanak didera anggota badannya, diperkosa, diabaikan dan dibuang tanpa perikemanusiaan. Walau bagaimana teruk sekalipun sesuatu kes penganiayaan kanak-kanak, akan muncul pula kes lain yang sama atau lebih teruk lagi, seolah-olah tiada sedikitpun simpati atau pengajaran diperolehi.

Pada zaman jahiliah kanak-kanak dianiaya kerana adat dan kepercayaan: anak perempuan ditanam hidup-hidup kerana ditakuti membawa malu kepada keluarga apabila besar kelak, dibunuh kerana rupanya tidak menarik atau dijadikan korban pemujaan syaitan atau takut miskin. Tetapi apa pula punca penganiayaan kanak-kanak di zaman ini?

Kes penderaan kanak-kanak hingga membawa kematian amat menyedih dan membimbangkan. Walau bagaimanapun melaporkan kes penderaan dan mengharapkan tindakan tidaklah semudah yang disangkakan. Ini kerana sistem menerima maklumat dan tindak balas belum cukup cekap bagi melindungi kanak-kanak yang menjadi mangsa. Di samping kekangan ini masyarakat sendiri bersikap tidak peduli terhadap kes penderaan kanak-kanak.(**Berita Harian 5 Mei 2004**)

v. **Gejala rasuah**

Rasuah merupakan satu masalah yang melambangkan tahap moral sesebuah masyarakat atau negara. Negara yang tinggi kadar rasuahnya dengan jelas menggambarkan betapa rendahnya moral serta jati diri negara bangsa tersebut.

Indeks Persepsi Rasuah merupakan satu indeks yang biasa dirujuk untuk menilai tahap keseriusan rasuah di sesebuah negara. Berdasarkan indeks tersebut bagi tahun 2003, Malaysia berada di tangga ke 37 daripada 133 negara. Malaysia mencatatkan 5.2 mata indeks di mana 10 mata indeks menunjukkan negara yang bersih daripada rasuah dan sifar menggambarkan keadaan yang sebaliknya.

Berdasarkan indeks tersebut, Finland mendapat tempat teratas dengan 9.7 mata indeks dan Bangladesh merupakan negara di tempat terakhir (1.3 mata). Walau apa pun kriteria yang digunakan dalam mengira indeks tersebut apa yang menyedihkan ialah untuk sepuluh tempat teratas, tidak tersenarai satu pun negara Islam. Kedudukan terbaik di kalangan negara Islam diperolehi Oman dengan kedudukan keseluruhan pada tangga ke 26 dengan 6.3 mata indeks. Lebih menyedihkan bila kedudukan Israel adalah lebih baik daripada semua negara Islam. Israel berada pada tangga 21 dengan 7.0 mata indeks.

(Utusan Malaysia,17 Jun 2004, hlm 7)

Rasuah menyebabkan sistem pentadbiran sesebuah negara menjadi tidak cekap. Di samping itu ia turut menyumbang kepada pengagihan kekayaan yang tidak seimbang. Oleh itu pengukuhan jati diri setiap anggota masyarakat agar tidak memberi dan menerima rasuah hendaklah menjadi amalan dan budaya kerja rakyat Malaysia. Ini dapat membantu gejala rasuah daripada berleluasa dalam masyarakat. Menurut Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, sebahagian besar kes rasuah yang melibatkan orang kenamaan telah didakwa di mahkamah. Antaranya ialah:

- Kes bekas Pengarah Urusan Perwaja, Tan Sri Eric Chia – dituduh di bawah Seksyen 409 Kanun Keseksaan di Mahkamah Sesyen pada 10 Februari lepas.
- Bekas Menteri Tanah dan Koperasi, Tan Sri Kasitah Gaddam – di bawah Seksyen 2 (1) dan Seksyen 417 Kanun Keseksaan.
- Bekas Ahli Jawatankuasa Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor, Datuk Syarif Jajang
- Bekas Ahli Jawatankuasa Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak, Datuk Azman Mahalan.
- Bekas Ahli Parlimen Jeli, Mohamad Apandi Mohamad.
- Bekas Ahli Parlimen Kota Bharu, Ramli Ibrahim.
- Pengarah Urusan Amanah Ikhtiar Malaysia, Ramli Mukhtar.
- Bekas Ketua Pegawai Eksekutif Telekom, Datuk Ibrahim Mohd. Noor.
- Ahmad Zukni dari PUNB berkaitan pengeluaran bon bernilai RM 3.8 bilion.
- Bekas Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC), Datuk Annuar Md. Nor.
- Bekas Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kangar, Baharudin Ahmad.

Ziauddin Sardar (1988: 16) berpendapat, masa hadapan Tamadun Islam banyak bergantung kepada sejarah dahulu dan kini. Perancangan untuk masa hadapan memerlukan suatu analisis terhadap pengalaman-pengalaman masa lalu dan mengambil kira juga pengalaman-pengalaman masa kini. Masalah-masalah akhlak seperti jenayah yang berleluasa, institusi keluarga yang rapuh, pegangan agama yang longgar memerlukan satu panduan dan perawatan

Islam. Ini tidak dapat lari daripada mengkaji pendekatan tokoh-tokoh akhlak Islam dalam menghadapi kegawatan akhlak pada zamannya.

Ibnu Miskawayh: Tokoh Akhlak Islam

Beliau ialah Abu 'Ali al-Khazin, Ahmad bin Muhammad bin Yaa'qub. Terkenal dengan gelaran Ibnu Miskawayh. Beliau adalah seorang muslim berketurunan Parsi, bekas penganut agama Majusi. Riwayat hidup beliau kurang diketahui kerana tidak ada buku-buku rujukan lengkap yang membincangkan sejarah hidup beliau. Kehidupan beliau hanya disebut secara tidak langsung dalam beberapa buah buku. Ibnu Miskawayh adalah seorang sasterawan di samping terkenal sebagai seorang ahli falsafah dan ahli etika.

Mengikut sebahagian besar pengkaji, beliau telah dilahirkan di daerah 'al-Ray' di bahagian selatan Parsi, pada tahun 330H (939M) dan meninggal dunia pada tahun 421H (1030M). Ini bermakna beliau hidup dalam masa pemerintahan kerajaan Bani Buwaihi yang memerintah di antara tahun 320H (929M) hingga tahun 447H (1056M). Ibnu Miskawayh merupakan antara ulama yang banyak memberi sumbangan dalam bidang moral. Dalam pemikiran Islam, perbincangan tentang akhlak tidak lengkap sekiranya tidak disebut pandangan beliau.

Ibnu Miskawayh Dan Metod Pemupukan Akhlak Muslim

Ibnu Miskawayh berpendapat akhlak ialah satu keadaan yang wujud dalam jiwa manusia. Ia perlu direalisasikan tanpa menggunakan akal fikiran kerana ia adalah suatu yang tabi'ie dan merupakan adat kebiasaan sama ada bersifat baik atau kurang baik. Menurut beliau akhlak juga adalah satu sifat yang boleh menerima perubahan sama ada perubahan tersebut berlaku dengan cepat atau lambat.

Dalam membincangkan masalah akhlak, perkara penting menurut pandangan beliau ialah tentang jiwa dan ciri-cirinya. Beliau telah mengarang beberapa buah buku, risalah dan makalah yang membincangkan tentang hakikat jiwa manusia dan persoalan akhlak, antaranya ialah:

- i. Al-Fawz al-Asghar
- ii. Tartib al-Sa'adat
- iii. Tahdhib al-Akhlaq
- iv. Taharat al-Nafs

Untuk mengatasi masalah akhlak di kalangan masyarakat pada zaman itu, Ibnu Miskawayh telah mengemukakan satu etika tentang contoh hidup yang tinggi dan murni sebagai hamba Allah. Etika hidup tersebut boleh diringkaskan seperti berikut:

- i. Pegangan agama yang mantap
- ii. Usaha dari individu
- iii. Mengetahui hakikat jiwa manusia
- iv. Menjalani hidup bermasyarakat
- v. Bersahabat dengan orang yang baik
- vi. Mengambil berat terhadap rawatan rohani

i. Pegangan agama yang mantap

Ibnu Miskawayh berpendapat bahawa matlamat utama setiap agama adalah untuk melahirkan akhlak mulia. Ini tidak akan terhasil melainkan apabila setiap individu percaya bahawa agama adalah sesuatu yang perlu untuk jiwa.

Menurut beliau individu juga seharusnya mendapat sesuatu ganjaran di dunia mengikut taraf dan kedudukannya. Dia tidak berhak meminta sesuatu yang bukan haknya, tidak boleh mengurangkan apa yang telah diberi kepadanya, sentiasa berpandu kepada ajaran agama serta berakhlak dengan akhlak mulia.

ii. Usaha dari individu

Menurut Ibnu Miskawayh, akhlak merupakan faktor utama yang menjamin kesejahteraan masyarakat. Akhlak amat penting dalam diri seseorang bagi memperbaiki dirinya dan masyarakat. Beliau berpendapat bahawa akhlak yang baik dapat dihasilkan melalui usaha setiap individu di samping latihan dan didikan tertentu.

Ibnu Miskawayh juga telah meletakkan satu garis panduan dalam menghayati konsep tolong-menolong iaitu: kalau seseorang itu banyak melakukan pertolongan, dia berhak mendapat banyak bantuan. Sekiranya dia melakukan sedikit pertolongan, maka sedikitlah bantuan yang akan diperolehinya.

Beliau juga menasihatkan agar menjauhkan diri dari perbuatan zalim. Setiap individu diseru agar sentiasa berwaspada dalam perbuatannya dengan melatih akal supaya bersikap lemah lembut. Bagi beliau apabila individu memahami konsep kesederhanaan dan mengamalkannya dalam hidup, maka mudahlah untuk merawat setiap penyakit yang wujud dalam masyarakat. Beliau juga mencela sebarang gelaran untuk memuji seseorang kerana ia boleh membawa kepada sifat buruk.

iii. Mengetahui hakikat jiwa

Setiap individu juga harus tahu hakikat jiwa manusia, apa itu jiwa, dari apakah ia dijadikan dan kenapa ia dijadikan pada diri manusia. Beliau berpendapat bahawa jiwa bukan satu bentuk jisim yang boleh dilihat dan bukan satu barang yang bernilai atau satu bahagian daripada perkara tersebut. Ini kerana kedua-dua perkara tersebut tidak boleh menerima perubahan sedangkan jiwa menerima perubahan. Jiwa yang ditakrifkan oleh Ibnu Miskawayh ialah satu perkara yang dapat dirasai berdasarkan ilmu pengetahuan yang berbagai.

Justeru itu jiwa mempunyai kekuatan yang tertentu untuk merealisasikan kebaikan yang sesuai dengan tabi'ie manusia untuk memberi kelazatan kepada tubuh badan manusia. Kekuatan jiwa yang perlu ada semuanya berasaskan konsep sederhana.

Menurut beliau terdapat 4 kekuatan jiwa iaitu:

- i. *Kekuatan akal*: ia berpunca dari hikmah. Hikmat ialah satu perkara yang terletak di antara cerdik dan bodoh.

- ii. *Kekuatan yang berunsur sifat marah* iaitu sifat berani yang terletak di antara berani dan takut. Terlalu berani bahaya dan terlalu penakut juga bahaya.
- iii. *Kekuatan syahwaniyah*: Kekuatan ini perlu berada di tengah-tengah seperti sifat kemuliaan yang terletak di antara gelojoh dan lembab atau jumud.
- iv. *Keadilan*: iaitu natijah yang lahir dari ketiga-tiga kekuatan di atas. Ia berada di tengah-tengah, tidak melampau dan tidak terlalu kurang.

Dengan lahirnya keempat kekuatan ini, maka terhasillah fadilat-fadilat yang dinamakan fadilat akhlak yang rasional. Ia juga dikenali sebagai fadilat falsafah yang digabungkan antara ilmu dan akal.

iv. Menjalani hidup bermasyarakat

Beliau juga berpendapat seseorang individu tidak dapat mempraktikkan moral yang baik secara menyeluruh sekiranya beliau tinggal keseorangan. Ini kerana kehidupan bermasyarakat menuntut sikap tolong menolong, berlemah lembut dan berkasih sayang sesama manusia.

Ibnu Miskawayh menentang kehidupan bertapa kerana ia tidak membawa kepada kehidupan berakhlak. Seseorang itu tidak seharusnya memencil diri dari masyarakat kerana kehidupan bermasyarakat akan memberi banyak manfaat kepadanya dalam mengenali kebaikan dan keburukan. Orang yang hidup secara zuhud dan mengeneipkan pekerjaan atau usaha, dianggap oleh Ibnu Miskawayh sebagai mengamalkan perbuatan jahat kerana ia mengeneipkan keperluan orang lain terhadap dirinya. Orang yang mengharapkan pertolongan orang lain sedangkan dia sendiri tidak menolong orang, adalah orang zalim dan musuh kepada masyarakat. Sekiranya dia merasakan keperluan hidupnya hanyalah sedikit sahaja, maka dia harus sedar bahawa manusia lain memerlukan banyak kepentingan daripada dirinya.

v. Bersahabat dengan orang yang baik

Menurut Ibnu Miskawayh, realitinya manusia yang berperibadi baik secara semulajadi, jumlahnya adalah sedikit, manakala yang kurang baik secara tabie jumlahnya ramai. Di antara kedua golongan ini ada juga yang bersikap sederhana. Golongan ini akan berubah melalui cara bersahabat dengan orang-orang baik yang menasihati mereka ke arah kebaikan atau bersahabat dengan orang-orang jahat yang mengajak mereka melakukan kejahatan. Pendapat beliau ini sama dengan seorang ahli sufi, Mumsyad al-Dinwari yang telah berkata:

“ Berkawan dengan orang baik akan meninggalkan kebaikan dalam hati dan berkawan dengan orang jahat akan meninggalkan kejahatan dalam hati.”

Ikatan persahabatan bagi Ibnu Miskawayh adalah satu perkara yang suci dan bermanfaat bagi manusia. Orang yang baik adalah sahabat bagi dirinya sendiri dan juga untuk orang lain. Dia tidak akan mempunyai musuh kecuali orang yang jahat. Orang yang bahagia adalah orang yang mempunyai sahabat dan berusaha agar dirinya bermanfaat bagi sahabatnya. Manusia

juga harus bekerja dengan baik untuk membahagiakan orang lain dan selalu berbuat baik tanpa bersifat munafik atau bermuka-muka.

vi. Mengambil berat terhadap rawatan rohani

Berhubung dengan rawatan rohani Ibnu Miskawayh membahagikan kepada dua cara iaitu:

i) Mengutamakan kesihatan rohani ketika ia masih ada pada diri seseorang:

dan

ii) Mengembalikan semula rohani yang sihat, apabila ia hilang dalam diri seseorang.

Apabila seseorang itu mempunyai jiwa yang sihat, maka dia haruslah sentiasa menambahkan lagi kemuliaan jiwa yang ada padanya dengan cara mendalami ilmu hakiki dan pengetahuan yang benar. Ia dapat diperolehi apabila seseorang itu mendampingi orang-orang berilmu dan mempelajari darinya di samping sentiasa berwaspada daripada bergaul dengan orang jahat, orang gila, orang yang selalu melakukan maksiat, orang yang berbangga dengan kejahatannya dan jangan menghadiri majlis-majlis anjuran mereka.

Ini disebabkan apabila seseorang itu menghadiri majlis-majlis mereka dan mendengar cerita-cerita tentang kekotoran jiwa dan kelakuan tidak bermoral mereka, maka untuk membersihkan semula perkara-perkara itu daripada dalam jiwanya adalah amat sukar. Di samping itu situasi ini juga mungkin akan merosakkan peribadi orang yang baik dan mulia pula.

Kesimpulannya, menurut Ibnu Miskawayh, sesiapa yang mempunyai disiplin diri yang sempurna, akhlak yang benar serta mampu mengenali musuh kepada jiwanya, dia akan berjaya memimpin rumahtangganya. Sesiapa yang berjaya memimpin rumahtangganya, dia akan berjaya mentadbir sebuah bandar. Sesiapa yang berjaya mentadbir sebuah bandar, dia akan berjaya memimpin sebuah kerajaan.

Aplikasi Pandangan Ibnu Miskawayh Dalam Kehidupan Semasa

Dalam kepesatan pembangunan negara, kita dibaluti kemelut sosial yang tidak pernah terlintas dalam fikiran akan berlaku di kalangan masyarakat Islam. Gejala negatif seolah-olah menjadi aliran budaya hidup masyarakat dewasa ini. Keghairahan meningkatkan taraf hidup dan mengejar nikmat dunia telah mengaburi mata hingga melupakan nilai budi pekerti dan maruah.

Keruntuhan akhlak yang berlaku adalah disebabkan masyarakat kurang daya tahan untuk melawan pengaruh asing. Mereka menganggap apa yang datang dari barat itu adalah satu trend atau kemodenan yang harus diikuti. Falsafah hidup yang dianjurkan oleh Islam sama ada pandangan yang diambil terus dari al-Quran dan al-Hadith atau buah fikiran yang dilahirkan oleh ulama terkenal seperti Ibnu Miskawayh hampir diketepikan terus akibat tarikan yang diterima dari Barat.

Masyarakat Islam seharusnya berpendirian tegas dan mempunyai kesedaran yang tinggi agar dapat mengawal kemasukan sebarang pengaruh liar yang boleh mengancam keutuhan bangsa

dan agama. Pemahaman dan pelaksanaan kehidupan beragama dalam masyarakat terutama generasi muda adalah penting sebagai benteng untuk menangkis sebarang cabaran daripada proses globalisasi. Pada asasnya perubahan dan kemajuan mengikut kacamata Islam ialah kembali kepada ajaran Islam yang sebenar sebagaimana yang dipraktikkan oleh Rasulullah S.A.W.

Hakikatnya, usaha untuk menghidupkan semula akhlak Islam dalam masyarakat adalah dengan cara mencari punca-punca berlakunya penyelewengan dalam masyarakat dan berusaha mengubahnya penyelewengan tersebut. Ia dapat direalisasikan dengan cara:

- i. Meluaskan pemikiran, kerana pemikiran yang sempit merupakan faktor berlakunya perbuatan jahat. Ini disebabkan akal yang terpesong tidak akan menghasilkan akhlak yang baik.
- ii. Bersahabat dengan orang yang berperibadi mulia kerana ia merupakan antara perkara yang boleh mendidik jiwa. Setiap manusia cenderung untuk mengikut persekitarannya, sebagaimana kata seorang cedikiawan Arab yang bermaksud:

“ Beritahu aku siapa kawan engkau, nescaya aku boleh beritahu siapa engkau.”
- iii. Meneliti perjalanan hidup para nabi, ulama dan pahlawan Islam kerana ia boleh dijadikan teladan kepada orang yang mengkajinya.
- iv. Memberi tumpuan dan iltizam yang tinggi kepada pekerjaan baik, seperti mendalami ilmu pengetahuan, berusaha meningkatkan ekonomi, politik dan kefahaman agama di kalangan masyarakat.

Kesimpulan

Isu moral bukan hanya terhad kepada aktiviti-aktiviti sosial, tetapi juga wujud dalam setiap aktiviti manusia seperti politik, ekonomi dan sebagainya. Pemupukan nilai-nilai akhlak dan etika yang baik dalam kehidupan muslim mestilah diberi keutamaan. Proses pemupukan harus bermula dengan keluarga di rumah dan diteruskan dalam kehidupan bermasyarakat. Keruntuhan akhlak yang berpunca daripada kemerosotan nilai-nilai akhlak boleh diatasi melalui peningkatan kualiti kehidupan keluarga. Ini boleh dilaksanakan melalui penghayatan terhadap tuntutan Islam dalam kehidupan seharian di samping penekanan terhadap disiplin dan tingkah laku yang baik dan berakhlak .

RUJUKAN

Al-Baron Karra Do Po, (1979). Mufakkiru al-Islam. “Adil Zu’aitir (pentrj), Beirut: al-Dar al-Muttahidat Li al-Nashr.

Abdurrahman Badawi, (1985). Para Filosof Muslim. M.M. Sharif (editor), Bandung: Penerbit Mizan

Ibn Miskawayh, Ahmad bin Muhammad, (1961).Tahdhib al-Akhlaq. Beirut: Dar Maktabat al-Hayat

_____ (1970), al-Fawz al-Asghar. Beirut: Dar Maktabat al-Hayat

Syalaby, Ahmad (Prof), (1978) al-Fikr al-Islami Wa Manabi’uhu Wa Atharuhu. Jilid 2, cet ke7, “Mausu’at al-Nizam Wa al-Hadarat al-Islamiyyat”, Qaherah: Maktabat al-Nahdat al-Misriyyat

Ibnu al-Jawzy, (1986). Sifat al-Sofwat. Jil.4, cet. ke 4, Beirut: Dar al-Ma’rifat

Osman Haji Khalid, (Prof. Madya), (1988). Pengenalan Buku-Buku Utama Islam. Kuala Lumpur: al-Rahmaniah

Ziauddin Sardar, (1988). The Future Of Muslim Civilization. Kuala Lumpur: Pelanduk Publications

Said Hawwa (1979). Jund Allah Thaqafat Wa Akhlaqa, Cet. ke 3, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyat